



TH PLANTATIONS MELAPORKAN KENAIKAN 56% UNTUNG SEBELUM CUKAI (PBT) BAGI TEMPOH 9 BULAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2024

Kuala Lumpur, 26 November 2024- **TH Plantations Berhad** melaporkan keputusan kewangan yang memberangsangkan bagi tempoh 9 bulan yang berakhir pada 30 September 2024; dengan PBT sebanyak RM95.12 juta. Ini adalah peningkatan yang ketara sebanyak 56.06% berbanding RM60.95 juta yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh hasil yang lebih tinggi berikutan peningkatan jumlah jualan serta purata harga direalisasikan yang lebih baik bagi minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit.

Selain itu, penambahbaikan dari segi kecekapan operasi telah menjurus kepada 69% peningkatan untung kasar berjumlah RM180.76 juta daripada 107.06 juta berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Pengeluaran TBS meningkat sebanyak 10.3% daripada 539,123 TM kepada 594,416 TM; hasil daripada kawasan matang muda serta trend tanaman yang lebih baik, terutamanya dari Semenanjung Malaysia. Hasil TBS per ha juga meningkat sebanyak 11.3%. Margin untung kasar meningkat sebanyak 48.9%, daripada 19.99% kepada 29.76%; dan margin PBT juga meningkat sebanyak 37.6% daripada 11.38% kepada 15.66%.

Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohamed Zainurin Mohamed Zain berkata "THP berada di landasan yang betul dalam menzahirkan nilai kepada pemegang sahamnya. PBT bagi tempoh 9 bulan sudahpun mengatasi PBT setahun lengkap bagi TK2023 berjumlah RM85.91 juta. Ditambah pula dengan harga CPO yang memberangsangkan menjelang penghujung tahun ini, kami menjangkakan prestasi TH Plantations yang lebih baik bagi TK2024. Pelan Strategik 5 Tahun Kumpulan atau inisiatif *Al-Falah 22/22* akan terus menjadi tenaga penggerak untuk mencapai keputusan yang lebih baik menerusi kecekapan operasi, amalan agronomi yang ditambahbaik, penanaman semula, dan juga usaha mekanisasi yang lebih intensif. Inisiatif seperti ini dijangka akan menyumbang ke arah pertumbuhan lestari dan kecemerlangan operasi Kumpulan".

Kumpulan kekal optimistik namun berwaspada berkenaan tinjauan pasaran. Dinamik pasaran yang positif termasuk bekalan minyak sawit yang terkawal, tahap stok yang rendah serta perancangan/laporan kemaskini biodiesel bagi 2025 telah menyokong industri ini sejak Oktober 2024. Kumpulan menjangkakan trend sebegini akan berterusan sehingga hujung tahun; memberi sumbangan yang positif terhadap prestasi secara keseluruhannya.

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))

Level 23, Menara TH Selborn

153, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695



SIARAN MEDIA



Mengenai TH Plantations Berhad

TH PLANTATIONS BERHAD

Sebagai cabang perladangan Lembaga Tabung Haji, THP terlibat dalam perniagaan sawit, getah dan kayu jati. THP pada mulanya diperbadankan pada tahun 1972 sebagai Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sendirian Berhad dan kemudiannya disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 27 April 2006.

Setakat ini, pemilikan tanah THP berjumlah lebih daripada 97,000 hektar; merangkumi 38 ladang dan 6 kilang yang terletak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Kalimantan, Indonesia. Pada tahun 2023, THP menghasilkan 787,741 MT Tandan Buah Segar (FFB); menjadikan THP syarikat perladangan sawit ke-9 terbesar di Malaysia dari segi keluasan tanah yang ditanam kelapa sawit.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Asmad Putra bin Abdul Samad

Head, Investor Relations & Corporate Communications

TH Plantations Berhad

Tel: +603 2603 4774 Mobile: +60123785701

Email: asmadputra@thplantations.com

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))

Level 23, Menara TH Selborn

153, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695

